

Pemaaf Melunakkan Hati

1. Dari segi bahasa ialah melepaskan atau membebaskan manakala dari segi istilah ialah melepaskan seseorang daripada kesalahan dan membebaskan daripada hukuman.
2. Firman Allah SWT, maksudnya: *"Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik"*. (Surah ali-Imran, ayat 134)
3. (a) Rasulullah SAW sering mendoakan penduduk Taif agar diberikan petunjuk walaupun dakwah baginda sering ditolak oleh mereka.
(b) Baginda memaafkan Habbar walaupun beliau telah menyebabkan Sayidatina Zainab terjatuh dari unta sehingga keguguran.
4. (a) (i) Segera memohon maaf
(ii) Mengakui kesilapan yang dilakukan tanpa mengemukakan sebarang alasan
(iii) Ikhlas meminta maaf
(b) (i) Memaafkan kesalahan tanpa diminta
(ii) Elakkan diri daripada bersifat dendam
(iii) Ikhlas memberi kemaafan
5. Terhadap individu:
(a) Memberi ketenangan jiwa
(b) Disenangi oleh orang lain
(c) Menzahirkan keunggulan peribadi Muslim

Terhadap masyarakat:
(a) Hidup dalam suasana harmoni
(b) Mengangkat imej umat Islam
(c) Menarik minat orang bukan Muslim mendalami Islam
6. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

1. D 2. C

Bahagian E

1. (a) (i) Pemaaf
(ii) ikhlas
(iii) berdo'a
(iv) ketenangan
(b) Antara tindakan yang akan saya lakukan terhadap rakan baik saya adalah dengan memintanya menjelaskan tentang keperluannya untuk berbohong dengan saya. Kemudian, saya akan memaafkan kesalahannya itu dan memberi nasihat kepadanya agar tidak berbohong lagi. Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mengamalkan sikap mudah memaafkan orang lain walaupun adakalanya kita berada di pihak yang benar supaya hidup sentiasa dirahmati Allah SWT.
(c) (i) Memberi ketenangan jiwa
(ii) Mendapat rahmat dan keampunan Allah SWT

POWER KBAT

1. Segera memohon maaf dengan sahabat tersebut dengan memberi sedikit penjelasan kepadanya tentang perasaan anda pada waktu yang sesuai. Kesannya, hati akan menjadi tenang apabila telah memohon maaf. Oleh itu, kita hendaklah segera memohon keampunan agar hubungan silaturahim dapat terjalin dengan baik.
2. Kehidupan akan menjadi tidak tenang kerana hubungan sesama manusia tidak baik. Keadaan ini menyebabkan semangat kerjasama dan toleransi tidak dapat dibentuk dalam kalangan umat Islam. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan sifat pemaaf supaya hidup dalam keadaan yang harmoni dan tenteram.
3. Saya akan mencontohi sifat-sifat penyabar dan pemaaf yang ada pada baginda. Sebagai contoh, ketika berhadapan dengan sesuatu masalah, saya akan mengamalkan sifat berlapang dada dan bersedia untuk memberi kemaafan kepada mereka yang ada membuat kesilapan kepada saya. Oleh itu, kita hendaklah mengelakkan diri daripada mudah melenting dan marah jika orang lain melakukan kesilapan.